

10 MAR 1997

Ling-Bosnia

MALAYSIA SEDIA BANTU BOSNIA PULIHKAN INFRASTRUKTUR

KUALA LUMPUR, 10 Mac (Bernama) -- Malaysia sedia memberikan bantuan kepada Bosnia-Herzegovina dalam memulihkan kembali infrastruktur perhubungan dan pengangkutan yang rosak akibat perang saudara di negara itu, kata Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik.

Pembangunan infrastruktur perhubungan dan pengangkutan seperti lapangan terbang, lebuh raya, pelabuhan dan kemudahan yang berkaitan amat penting untuk memulihkan ekonomi dan kesejahteraan di Bosnia, katanya.

"Hubungan antara Bosnia dan Malaysia adalah baik ditambah pula dengan sokongan kuat Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang sentiasa mempertahankan kedudukan Bosnia," katanya.

"Malaysia gembira dengan perjanjian damai Dayton yang membolehkan Bosnia menikmati kembali keamanan," katanya kepada pemberita selepas menerima kunjungan hormat Menteri Pengangkutan dan Komunikasi Bosnia, Rasim Gacanovic di pejabatnya di sini, hari ini.

Ling berkata pada masa ini, adalah mustahak bagi Malaysia dan negara-negara lain yang berbaik dengan Bosnia menolong dan memulihkan kembali keadaan di negara itu.

Gacanovic yang mengetuai rombongan seramai 15 orang berada dalam rangka lawatan kerja selama lima hari di negara ini untuk mendapatkan pengetahuan lebih mendalam mengenai pembangunan infrastruktur perhubungan dan pengangkutan.

Dalam pertemuan dan perbincangan selama 30 minit, Dr Ling diberitahu mengenai rancangan Bosnia yang memberi keutamaan untuk memulihkan kembali infrastruktur perhubungan dan pengangkutan, sekaligus memperbaiki ekonominya.

Menurut Dr Ling, beliau turut menyatakan pengalaman Malaysia sewaktu menghadapi zaman kemelesetan ekonomi awal 80-an yang memberikan tumpuan kepada projek membina lebuh raya Utara-Selatan.

Dr Ling berkata, projek lebuh raya Utara-Selatan itu akhirnya membuahkan hasil dengan bandar-bandar yang berdekatan dengan lebuh raya mengalami pertumbuhan ekonomi yang pesat kerana perhubungan yang lebih baik dan tempoh masa perjalanan yang disingkatkan.

Dr Ling berkata rancangan Bosnia ke arah pembangunan infrastruktur perhubungan dan pengangkutan adalah tepat pada masanya.

Ditanya mengenai projek infrastruktur yang akan melibatkan Malaysia secara langsung di Bosnia, beliau berkata pada masa ini projek itu ialah pembinaan lapangan terbang di Sarajevo.

Menurut beliau, pihak swasta yang akan terlibat dalam projek itu ialah Muhibbah Engineering (M) Bhd, yang kegiatan utamanya membina prasarana dan kini sedang terlibat dalam projek penswastaan Lapangan Terbang Antarabangsa Pochentong di Phnom Penh, Kemboja. -- BERNAMA

HS PR